

**Hadir BERSIH: Senator Australia sedia disiasat M'sia  
MalaysiaKini.com  
May 18, 2012  
Oleh Aidila Razak**

EKSKLUSIF Senator Bebas Australia Nick Xenophon akan bekerjasama dengan pihak berkuasa sekiranya beliau disiasat atas dakwaan melanggar undang-undang Malaysia kerana berada dalam perhimpunan BERSIH di Kuala Lumpur bulan lalu.

Bercakap kepada *Malaysiakini* melalui wawancara telefon, Xenophon berkata beliau "tidak akan menjauhkan diri" daripada siasatan bawah Akta Perhimpunan Aman 2012.

"Jika terdapat pihak berkuasa Malaysia berniat mendakwa saya, saya tiada masalah datang ke Malaysia untuk mempertahankan diri," katanya.

"Saya tidak akan lari atau menjauhkan diri daripada perkara ini. Saya tidak mahu dihalang memasuki negara yang saya beri perhatian besar."

Bagaimanapun, beliau masih belum mendengar lagi berhubung sebarang siasatan terhadapnya.

Xenophon mengulas laporan portal *The Mole* bahawa beliau boleh disiasat bawah Seksyen 4(2)(a) Akta Perhimpunan Aman, yang melarang bukan warganegara Malaysia daripada mengambil bahagian dalam sebarang perhimpunan di negara ini.

Senator itu bagaimanapun berkata beliau tidak hadir dalam perhimpunan besar itu sebagai peserta yang menuntut pilihan raya bebas dan adil tetapi menjadi pemerhati.

Perkara itu, menurutnya sebahagian daripada misi mengumpul maklumat berhubung sistem pilihan raya di Malaysia.

"Sekiranya pihak berkuasa Malaysia mahu bercakap dengan saya, saya sedia bercakap dengan mereka. Tetapi saya rasa ia perhimpunan aman.

"Sebagai pemerhati, (saya lihat) keadaan mula tidak kena apabila gas pemedih mata dilepaskan," katanya.